

# ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

## ULASAN PERNIAGAAN TAKAFUL (MALAYSIA)

Pada tahun 2015, industri Takaful Keluarga Malaysia mencatatkan pertumbuhan sederhana pada kadar 6.2% dalam jumlah Sumbangan Bersih kepada RM5.1 bilion (2014: RM4.8 bilion, -0.4%), manakala perniagaan Takaful Am mencatatkan peningkatan 13.3% dalam jumlah Pendapatan Diraih kepada RM1.7 bilion (2014: RM1.5 bilion, +5.6%).

Pada tahun yang dilaporkan, MAA Takaful mencatatkan kemerosotan 34.6% dalam Jumlah Pendapatan Diraih Bersih Takaful Keluarga kepada RM236.7 juta (2014: RM361.8 juta) terutamanya disebabkan kemerosotan dalam produk berkaitan pelaburan caruman tunggal akibat perniagaan gadai janji baru kumpulan yang berkurangan dan peralihan tumpuan daripada perniagaan berkaitan pelaburan kepada perniagaan tidak berkaitan pelaburan, manakala Sumbangan Diraih Bersih Takaful Am melonjak 44.3% kepada RM97.7 juta (2014: RM67.7 juta), dengan pertumbuhan terutamanya daripada kelas perniagaan motor dan kebakaran.

Dana Takaful Keluarga MAA Takaful mencatatkan Rugi Sebelum Cukai ("RSC") lebih rendah iaitu RM4.7 juta (2014: RSC RM11.3 juta). Kerugian lebih rendah ini disebabkan oleh usaha yang dilaksanakan dalam tahun yang dilaporkan untuk menetapkan semula harga produk perubatan yang mengalami kerugian disebabkan kadar tuntutan yang tinggi dan kos perubatan yang meningkat. Di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang berkuat kuasa, kerugian dalam dana risiko Takaful akan diambil dan diiktiraf sedemikian oleh pengendali Takaful di peringkat syarikat. Namun begitu, terdapat pindahan lebihan RM11.3 juta (2014: RM11.0 juta) daripada dana risiko berkaitan Takaful kepada Dana Pemegang Saham pada tahun yang dilaporkan.

Dana Takaful Am MAA Takaful mencatatkan Untung Selepas Cukai ("USC") RM0.6 juta (2014: RSC RM0.6 juta). USC terutamanya disokong oleh sumbangan diraih bersih yang lebih tinggi dan masuk kira semula peruntukan rosot nilai ke atas belum terima Takaful. Walaupun begitu, manfaat dan tuntutan Takaful bersih dan nisbah tuntutan pada tahun yang dilaporkan adalah lebih tinggi pada paras 70.8% (2014: 51.9%), sebahagian besarnya daripada kelas motor dan kemalangan peribadi.

Dana Pemegang Saham MAA Takaful mencatatkan USC lebih rendah berjumlah RM7.0 juta (2014: RM8.2 juta), selepas mengambil kira pindahan lebihan RM11.3 juta (2014: RM11.0 juta) daripada Dana Takaful Keluarga dan RM1.5 juta (2014: Sifar) daripada Dana Takaful Am. Untung lebih rendah ini terutamanya disebabkan perbelanjaan pengurusan lebih tinggi, secara khususnya kos kakitangan, sewa pejabat, komisen agensi dan perbelanjaan EDP, dll.

MAA Takaful meramalkan bahawa persekitaran operasi dalam Sektor Takaful tetap sengit dan mencabar, memandangkan perubahan peraturan yang sedang berlaku dan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dijangka lebih perlahan pada 2016.

Namun begitu, MAA Takaful akan meneruskan rancangan strategik dalam usaha menambah baik proses dalaman yang meliputi pengunderaitan, penetapan harga produk, kawalan kos dan kredit, melancarkan produk baru yang inovatif, meluaskan asas pelanggan dan saluran pengedaran dan mengekalkan agensi yang berkualiti dan produktif.

## ULASAN PERNIAGAAN INSURANS KONVENSIONAL (ANTARABANGSA)

MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), cabang insurans dan pelaburan Kumpulan, mencatatkan RSC RM3.6 juta, (2014: RSC RM12.9 juta). RSC dicatatkan terutamanya kerana peruntukan rosot nilai berjumlah RM1.6 juta (2014: RM13.0 juta) berhubung dengan pendahuluan yang diberikan kepada PT MAAG untuk menyokong perbelanjaan bakian perniagaan syarikat dan peruntukan RM5.7 juta yang dibuat bagi anggaran perbelanjaan pembubaran anak syarikat tersebut. Namun begitu, kerugian ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan nilai saksama pelaburan hartanah luar negara. Sejak separuh kedua 2014, MAAIA kekal sebagai cabang pelaburan Kumpulan.

PT MAAG mencatatkan USC lebih rendah berjumlah RM0.7 juta pada 2015 (2014: USC RM17.0 juta) untuk sebelas (11) bulan berakhir 30 November 2015, iaitu sebelum syarikat tidak lagi menjadi anak syarikat berikutan pelantikan pembubar. Untung yang diraih adalah terutamanya daripada rizab tuntutan. Pada 2014, untung diperolehi sebahagian besarnya daripada pendapatan RM16.5 juta yang timbul daripada penepian liabiliti tuntutan yang diperolehi daripada rundingan pengurangan hutang.

Pada tahun yang dilaporkan, Perniagaan Insurans Am di Filipina memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan, dengan Untung Selepas Cukai RM2.5 juta (2014: RM2.1 juta). Untung lebih tinggi tersebut terutamanya disokong oleh peningkatan 37.1% dalam premium kasar kepada RM114.2 juta (2014: RM83.4 juta), masuk kira semula kerugian rosot nilai bagi belum terima insurans yang diperolehi kembali dan prestasi pelaburan lebih baik.

## ULASAN PERNIAGAAN PEMBIAYAAN GADAI JANJI (AUSTRALIA)

Syarikat bersekutu milik 48% di Australia, Columbus Capital Pty Limited ("CCA") yang terlibat dalam perniagaan pinjaman gadai janji runcit dan pensukuritan pinjaman, mencatatkan Untung Selepas Cukai RM1.3 juta (2014: RM0.3 juta) pada tahun yang dilaporkan. Untung lebih tinggi tersebut disebabkan terutamanya oleh margin faedah kasar lebih tinggi sebanyak 13.5% (2014: 10.8%) dan juga perbelanjaan operasi lebih rendah berbanding 2014, terutamanya perbelanjaan Pemrosesan Data Elektronik, guaman dan rundingan.

Berlandaskan infrastruktur sedia ada, CCA akan terus menguruskan portfolio gadai janji dengan matlamat untuk menguruskan margin faedah dengan berkesan dan seterusnya mengukuhkan usaha untuk meluaskan perniagaannya.